

UMNO Pokok Sena/MKN Sumbang Kerusi Roda Dalam Program 'Janji Ditepati'
Bernama
25 Jun, 2012

POKOK SENA, 25 Jun (Bernama) -- Tiga orang kurang bernasib baik termasuk seorang kanak-kanak tiga tahun yang terencat kaki kirinya menerima kerusi roda melalui program 'Janji DiTepati' Umno bahagian Pokok Sena/Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Ann Nur Ahmad Khairi, 3, yang terencat kaki kiri, Abu Yaakob, 74, dan ibu tunggal Zaiton Kadir, 40, yang dipotong kaki kiri akibat kencing manis menerima kerusi roda disampaikan Ketua Umno Pokok Sena, Datuk Ahmad Lebai Sudin yang menziarahi mereka pada Isnin.

Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Ramli Yunus yang turut hadir berkata beliau akan merujuk kes Ann Nur ke HSB untuk dibeai rawatan fisioterapi.

Abu yang tinggal di kampung sama, adalah bekas pemain gendang silat menghidap kencing manis dan masalah jantung, kini dapat bergerak dengan adanya kerusi roda.

"Saya amat bersyukur mendapat sumbangan kerusi roda ini kerana sebelum ini agar sukar untuk bergerak," kata Abu, yang telah jatuh sakit sejak empat tahun lepas, semasa ditemui selepas menerima sumbangan itu daripada Ahmad.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675512>